

27 MAR 2001

Sabah-Kabinet (Reaksi)

SALLEH DAN DUA RAKAN AKAN GUNAKAN PENGALAMAN

KOTA KINABALU, 27 Mac (Bernama) -- Tiga bekas anggota kabinet kerajaan negeri Sabah yang hari ini kembali menganggotai barisan baru kabinet negeri, masing-masing berkata pengalaman mereka akan digunakan untuk merencanakan agenda pembangunan negeri.

Mereka ialah bekas Ketua Menteri Datuk Salleh Tun Said dan dua bekas timbalan ketua menteri -- Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Ghapur Salleh -- yang dilantik menganggotai barisan baru kabinet negeri yang diketuai Datuk Chong Kah Kiat.

Salleh berkata pengalamannya sebagai ketua menteri dan menteri kewangan negeri akan digunakan untuk membantu Ketua Menteri Merancang program pembangunan negeri.

"Pada saya, apa yang lebih penting ialah memberi khidmat kepada negeri Sabah," katanya kepada pemberita selepas mengangkat sumpah sebagai anggota kabinet negeri di Istana Negeri di sini hari ini.

Ditanya mengenai perasaannya menyertai semula kabinet negeri, beliau berkata beliau akur dengan keputusan pucuk pimpinan parti yang mahukan beliau berkhidmat semula dalam kerajaan.

"Apa yang penting ialah kita perlu membina satu pasukan yang kuat untuk membawa pembangunan ke negeri ini," kata Salleh.

Salleh, 44, menjadi ketua menteri antara Disember 1994 hingga Mei 1996 di bawah sistem penggiliran jawatan ketua menteri yang diamalkan.

Dalam barisan kabinet baru, beliau dilantik sebagai Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Sementara itu, Abdul Ghapur berkata beliau bersedia berkhidmat setelah diberi kepercayaan oleh pucuk pimpinan parti terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk kembali menyertai kabinet negeri.

"Saya bersedia berkhidmat kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta saya kembali. Sebagai anggota parti, saya kena mematuhi keputusan yang dibuat oleh parti terutama pucuk pimpinan," katanya.

Beliau yang pernah menjawat jawatan menteri kewangan negeri pada tahun 1994, berkata masih banyak lagi yang perlu dilakukan oleh kerajaan untuk memperbaiki keadaan pembangunan di Sabah.

Abdul Ghapur, 57, yang kali ini dilantik sebagai Menteri di Jabatan Ketua Menteri berkata beliau bersedia menerima apa juga tanggungjawab yang akan ditentukan oleh ketua menteri.

Joseph yang dilantik sebagai Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat mengucapkan terima kasih kerana kepercayaan yang diberi kepadanya.

"Dengan gandingan pemimpin muda dan juga pemimpin veteran yang pernah berkhidmat dalam kabinet dahulu, maka ini akan memantapkan barisan kabinet negeri," katanya.

Beliau yakin mereka bertiga akan dapat menyumbang idea membantu Chong dalam memastikan kelicinan pentadbiran kerajaan negeri.

-- BERNAMA

HAK MOZ